

buletin Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH
 MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
 NASKAH PERCUMA

EDISI
SEPT - DIS 2023

03/23



TETAP PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN MESYUARAT JAWATANKUASA

MENARIK
DI DALAM...



12

Kejohanan Golf
Amal MPS 2023



14

Program Tanam Pokok
Perdana MPS 2023



15

Karnival Ekstrem Gua
Damai MPS 2023

DARI MEJA YDP

BIL 3/2023 Sept - Dis



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi
ydp@mps.gov.my

YBRs. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi
tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin bin Masoad
mzin.masoad@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi bin Ishak
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

PENGARANG

Cik Nurul Awanis binti Muridan
nurulawanis@mps.gov.my
Pn. Norhatikah Nabila binti Masri
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
Pn. Norhasliza binti Hassan
norhasliza.hassan@mps.gov.my

PEREKA LETAK

En. Mohd Afzairis bin Naseri
mafzairis.naseri@mps.gov.my
Cik Nurshahira Najihah binti Abd Rashid
nurshahira_najihah@mps.gov.my

JURUFOTO

Pn. Anissapinah binti Mohd Dan
anissapinah.mohddan@mps.gov.my
En. Mohamad Khairun bin Roslan
mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

TERBITAN

3 kali setahun

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 No. Faks: 03 6138 2728

E-mel: aduanmps@mps.gov.my
Talian Bebas Tol: 1800-222-677

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, Buletin Selayangku Sayang Bil.3/2023 dapat direalisasikan untuk sekian kalinya.

Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor kerana memberikan Bantuan Kewangan Khas (BKK) 2023 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM1000 kepada penjawat awam yang berkhidmat di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Harapan saya agar inisiatif ini dapat meningkatkan lagi prestasi dan semangat kerja dalam kalangan warga MPS.

MPS berjaya melakar pelbagai kejayaan yang membanggakan sepanjang 2023. Di sini, saya ingin kongsikan beberapa anugerah yang telah berjaya dirangkul oleh MPS untuk tahun 2023 antaranya:

1. Anugerah Perak bagi Malaysia Technology Expo 2023 – MY AUGER kategori Public Service Innovation Asia (International);
2. Anugerah Gangsa bagi Greenwood A New Outlook kategori Placemaking and Public Space (Government Initiative – Municipal Council Category);
3. Sijil Anugerah 5 Bintang bagi Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) kategori Pihak Berkuasa Tempatan;
4. Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 (QMS) dan Pensijilan Peringkat ke-2 ISO/IEC 27001:2013 (ISMS) oleh SIRIM QAS International oleh SIRIM QAS International Kategori PBT (Peningkatan Imej);
5. 5. Anugerah Kemampunan Bandar (MURNInets) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia; 6. Johan bagi sukan ping pong dan golf di Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) Tahun 2023 kategori Sukan Pihak Berkuasa Tempatan dan Kejohanan Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) Tahun 2023 kategori Badan Berkanun.

Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga MPS yang telah menjayakan segala peranan, tanggungjawab, program mahupun aktiviti sepanjang tahun 2023. Insya-Allah, saya berharap tahun 2024 kita tanamkan azam bersama-sama untuk menjadi lebih baik.



(DATO' MOHD YAZID B. SAIRI D.S.I.S)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

MPS JULANG ANUGERAH KEMAMPANAN BANDAR (MURNINETS)

MPS berjaya merangkul Anugerah Kemampanan Bandar (MURNInets) Peringkat Negeri Selangor sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri Selangor yang telah diadakan pada 18 November 2023.

Majlis anjuran Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (PLANMalaysia@

Selangor) dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat (PDT Kuala Langat), Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Endah (MPKK Kg. Endah) telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bertempat di Dewan Jubli Emas, Kampung Endah, Kuala Langat.



MPS FOKUS AGENDA PEMBANGUNAN MAMPAN DAN DAYA HUNI KOMUNITI BANDAR

MPS telah menerima sijil pengiktirafan atas penyediaan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs) City Roadmap semasa Pelancaran Malaysia SDG Cities Network dan Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 pada 6

November 2023 bertempat di Kuching, Sarawak. Sijil pengiktirafan disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan kepada Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS.



PEMENANG ANUGERAH JMB/MC TERBAIK MPS 2023

MAJLIS Anugerah Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) Terbaik MPS 2023 telah diadakan pada 22 Disember 2023 di Setia Eco Templer Rawang. Acara penyampaian hadiah dilakukan oleh YBhg. Dato' Mohd

Yazid bin Sairi, YDP MPS. Turut hadir dalam majlis ini ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, YBhg. Dato' TPr Dr. Juhari bin Ahmad, Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Hartanah Selangor, Encik Mohd Zamri bin Ishak, Ketua

Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Strata KPKT, Ahli-ahli Majlis MPS dan para pengarah jabatan MPS.



Pemenang Anugerah JMB/MC Terbaik MPS 2023:

Kategori Skim Kos Rendah:
TDBC LC Management Corporation

Kategori Skim Kos Sederhana:
Perdana Puri Management Corporation


Kategori Skim Kos Tinggi:
Anggun 3 Joint Management Body

Anugerah Khas Pusat Kitar Strata MPS:
JMB Pangsapuri Kenanga

MENTERI NRECC TURUN PADANG KE PASAR BORONG SELAYANG

MENTERI Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad telah mengadakan lawatan kerja ke Sungai Jinjang yang melalui Pasar Borong Selayang bagi meninjau kerja penyenggaraan log boom di sungai tersebut sebelum memasuki Kolam Takungan Banjir Jinjang di Kuala Lumpur.

Lawatan pada 6 November 2023 ini turut dihadiri oleh YB Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Wakil JPS Gombak telah memberi taklimat berkenaan situasi dan keadaan sungai yang melalui pasar borong, kerja penyenggaraan yang dilaksanakan serta isu setempat sepanjang sungai yang terlibat.



MPS HOS MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN NEGERI SELANGOR BIL.3/2023

Sebanyak 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor yang diwakili oleh Datuk Bandar, Yang Dipertua dan Setiausaha serta wakil Jabatan atau Agensi Teknikal Negeri Selangor yang berkaitan telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Bil.3/2023 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Ng Suee Lim, Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Selangor pada 16 Oktober 2023 di Dewan Simfoni, Taman Rimba Bukit Lagong. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara dasar berkaitan PBT bagi memperkasakan perkhidmatan PBT.



KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN ADUAN

KURSUS Pemantapan Pengurusan Aduan MPS telah diadakan pada 31 Oktober 2023 di Dewan Simfoni, Taman Rimba Bukit Lagong. Sesi taklimat Penyediaan Maklum Balas Pelanggan (Do's and Don'ts) disampaikan oleh Puan Norsuhana Azman, Pengarah BPA Negeri Selangor.



BENKEL KAJIAN SEMULA DAN PEMANTAUAN PELAN ANTI RASUAH (OACP) 2023-2027

BENKEL Kajian Semula dan Pemantauan Pelan Anti Rasuah (OACP) MPS 2023-2027 telah diadakan pada 4 hingga 6 Oktober 2023 di Adena Beach Resort, Kuantan, Pahang. Bengkel yang disertai oleh 21 orang kakitangan MPS ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kaedah semakan dan penambahbaikan semula yang boleh dilakukan. Hadir sama dalam bengkel ini Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS.



BENKEL KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK 2022-2025

BENKEL Kajian Semula Pelan Strategik MPS 2022-2025 telah diadakan pada 25 hingga 27 September 2023 di Hotel Holiday Inn, Melaka. Bengkel selama tiga hari ini dipimpin oleh Puan Fariza binti Mohamad Farid, perunding dari Unit Permodenan Tadbiran dan Penerangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri. YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS telah merasmikan majlis penutup. Bengkel ini turut dihadiri oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP, para pengarah dan wakil jabatan dalaman MPS.



Buku Kajian Semula Pelan Strategik MPS 2022-2025



MPS BERKONGSI KEPAKARAN LANDSKAP KEPADA MPK

JABATAN Landskap Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) telah mengadakan lawatan ke MPS pada 19 September 2023. Lawatan seramai 16 orang kakitangan diketuai oleh Encik Shamsul Syahiran bin Mohd Samsudin, Pengarah Jabatan Landskap MPK. Tuan LAR. Mokhtar Affandi bin Abd Ghani, Pengarah Jabatan Landskap MPS telah berkongsi maklumat mengenai kerja-kerja penyelenggaraan dan penguatkuasaan landskap di MPS.



PELAJAR UIAM BELAJAR TADBIR URUS DAN PERANAN AHLI MAJLIS DARIPADA MPS

ENCIK Ahmad Fauzi bin Ishak, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat telah menyampaikan taklimat mengenai peranan MPS sebagai PBT manakala Tuan Wan Anwar bin Wan Ibrahim, Ahli Majlis MPS pula telah menyampaikan taklimat mengenai peranan Ahli Majlis kepada rombongan 26 pelajar UIAM yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Rabi'ah binti Aminudin.



MPS DAN MPSEPAANG BERTUKAR IDEA MENGENAI EKSA

SERAMAI 44 orang kakitangan MPSepang telah mengadakan lawatan ke MPS pada 4 Oktober 2023. Lawatan yang diketuai oleh Puan Zuhailen binti Abdul Rashid, Penolong Pengarah Unit Korporat dan Perhubungan Awam MPSepang ini bertujuan berkongsi tentang pengamalan EKSA secara konsisten bagi mengekalkan persijilan EKSA.



MPS DAN IPD GOMBAK ERAT HUBUNGAN DUA HALA

YDH ACP Zainal Mohamed bin Hj. Mohamed, Ketua Polis Daerah Gombak telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS pada 12 Oktober 2023. Perjumpaan ini diadakan bagi membincangkan dan memantapkan lagi hala

tuju, sasaran dan pencapaian kedua-dua pihak dalam memberi perkhidmatan terbaik pada masa hadapan. Hadir sama dalam majlis ini ialah wakil dari Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak dan wakil jabatan dalaman MPS.



JCLAIR BERKONGSI KEPAKARAN MENGENAI PENJAGAAN WARGA EMAS

THE Local Authorities International Cooperation Specialist Dispatch Project, Japan Council of Local Authorities for International Relations (JCLAIR) telah memilih MPS sebagai lokasi bagi perkongsian kepakaran dan idea mengenai Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Malaysia dan Jepun.

Majlis pembukaan telah berlangsung pada 16 Oktober 2023 bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Lawatan ini diketuai oleh Mr. Matsumoto Nobuhiko, Pengurus Kanan Penjagaan Warga Emas dan Pembangunan Insurans serta Kemudahan Pejabat Kebajikan Tobu Chuo, Jabatan Kebajikan Saitama dan Mr.

Nagata Takuya, Timbalan Pengarah Kanan JCLAIR.

Majlis turut dihadiri oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik kepada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor, Puan TPR Juwairiyah Ho Abdullah, Setiausaha Kehormat Pertubuhan Perancang Malaysia, Puan Aslynda binti Mohd Dahlan, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Sektor UPEN Selangor, Ahli-ahli Majlis MPS; para pengarah MPS dan wakil jabatan dalaman MPS.



LAWATAN YB PUAN PUA PEI LING BINCANG ISU BANJIR DAN

ADUN Bukit Lanjan, YB Puan Pua Pei Ling, telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS pada 10 November 2023 di Pejabat Yang Dipertua. Lawatan ini bertujuan untuk membincangkan tentang isu-isu berkaitan sistem pembentungan, banjir dan pembangunan di kawasan Bukit Lanjan. Hadir sama dalam sesi ini Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, pegawai kepada YB Puan Pua Pei Ling dan wakil jabatan dalam MPS.



LAWATAN YB TUAN LIM LIP ENG TUMPU KERJASAMA MASA

SESI kunjungan hormat YB Tuan Lim Lip Eng, Ahli Parlimen Kepong ke atas YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS telah diadakan di pejabatnya pada 12 Oktober 2023. Sesi ini diadakan bagi membina hubungan yang lebih erat antara ahli parlimen dan PBT. Turut hadir sama pegawai kepada YB Tuan Lim Lip Eng dan wakil jabatan dalam MPS.



OPERASI

MPS ROBOH STRUKTUR BINAAN HARAM

MPS telah merobohkan struktur tambahan haram di atas jalan awam yang telah menutup saliran longkang yang dibina oleh sebuah premis perniagaan di Taman Industri Batu Caves pada 9 November 2023. Tindakan diambil mengikut kesalahan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Kawalan Perancangan (Akta 172). Operasi ini diketuai Jabatan Bangunan MPS serta dibantu Jabatan- jabatan dalaman MPS, wakil Pejabat Daerah dan Tanah Gombak (PDTG) dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).



PAPAN DENDENG (HOARDING) DIROBOH

AKIBAT membina papan dendeng (*hoarding*) di atas jalan yang melanggar syarat dan menimbulkan kacau ganggu, sebuah syarikat pemaju di Bandar Tasik Puteri, Rawang telah dikenakan tindakan pada 7 November 2023. Tindakan perobohan dilakukan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Kawalan Perancangan (Akta 172).



BANGUNAN KEDAI TANPA KELULUSAN DIROBOH

SATU operasi perobohan struktur bangunan kedai perniagaan tanpa kelulusan telah dibuat di Kampung Simpang Tiga Gombak pada 5 September 2023. Tindakan diambil di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dengan kerjasama penguat kuasa MPS, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak (PDTG) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).



PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN DENGGI DI SELAYANG BARU

MPS telah melakukan pemantauan dan pemeriksaan denggi pada 21 November 2023 di Selayang Baru. Hasil pemeriksaan mendapati jentik-jentik telah ditemui di stor menyimpan barangan binaan milik syarikat. Sampel larva tersebut didapati positif Aedes Albopictus dan Aegypti. Berikutan itu, tindakan kompaun telah diambil di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975.



PERHIMPUNAN BULANAN SEPTEMBER 2023

YBHG. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS telah menzahirkan rasa bangga kepada semua warga kerja yang berjaya mengharumkan nama MPS dalam pelbagai pertandingan dan acara sukan semasa Perhimpunan Bulan September Peringkat MPS 2023 pada 21 September 2023 di Lobi Menara MPS.

Antara atur cara majlis ialah penyampaian Anugerah "Reward YDP", Dermasiswa ANULAE kepada Anak Cemerlang SPM 2022, hadiah Pertandingan Nyanyian Lagu Asli Peringkat PBT dan Badan Kerajaan Negeri Selangor serta hadiah kepada atlet SUKANUN ke-12.

Keputusan Pertandingan Menghias Jabatan Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat MPS 2023:

Johan	: Jabatan Bangunan
Naib Johan	: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Ketiga	: Jabatan Perancang Bandar

Anugerah Khas Juri	: Jabatan Khidmat Pengurusan
	Jabatan Kejuruteraan
	Jabatan Korporat



DEMONSTRASI DRON BAHARU MPS

DEMONSTRASI dron baharu milik MPS telah dilakukan pada 29 November 2023 di pekarangan Menara MPS. Acara ini dihadiri oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak, Ahli-ahli Majlis MPS dan para pengarah jabatan MPS.



PERHIMPUNAN BULANAN NOVEMBER PERINGKAT MPS

PERHIMPUNAN Bulanan November Peringkat MPS telah diadakan pada 29 November 2023 di Lobi Menara MPS. Dalam majlis ini telah disampaikan tiga anugerah iaitu sijil pengiktirafan atas penyediaan SDG City Roadmap di Pelancaran Malaysia SDG Cities Network & World Habitat Day, Anugerah Khas Komuniti Ceria Kebun Komuniti Flat Dadimur Taman Batu Caves sempena Hari Anugerah Laman Hijau Negeri Selangor Tahun 2023 dan Anugerah Kemampanan Bandar (MURNInets) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia.



SAMBUTAN HANGAT PROGRAM GERAI CANTIK DAN BERSIH

TAHNIAH diucapkan kepada pemenang Program Gerai Cantik dan Bersih anjuran MPS. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS pada 12 Disember 2023 di Gerai MPS Bandar Baru Selayang. Sebanyak 22 unit gerai terlibat dalam program ini.



JENAMA MPS LARIS DALAM SIBS 2023 KALI KE-7

SIDANG Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2023 kali ke-7 telah diadakan pada 19 hingga 22 Oktober 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Acara ini dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Di bawah Selangor Smart City & Digital Economy Convention (SDEC), MPS turut membuka reruai untuk berkongsi tentang inisiatif pintar yang digunakan di MPS seperti Sistem GeoSpatial MPS, MyMPS, e-LESEN dan e-SIM.



SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI MPS 2023

SAMBUTAN Hari Inovasi dan Integriti MPS 2023 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS semasa Majlis Perhimpunan Bulan Disember pada 8 Disember 2023 di Lobi Menara MPS.

Penganjuran Hari Inovasi dan Integriti MPS 2023 bertujuan untuk menggalakkan percambahan idea kreatif serta menggalakkan pembudayaan inovasi ke arah meningkatkan produktiviti, menyelesaikan masalah dan menambah baik inisiatif-inisiatif kepada rakyat.

Hadir sama Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, barisan Ahli-ahli Majlis MPS, para pengarah jabatan MPS dan kakitangan MPS.





DANA RM60 RIBU BE KEJOHANAN C

MPS telah menganjurkan Kejuhanan Golf Amal MPS 2023 yang diadakan pada 30 September 2023 bertempat di Tasik Puteri Golf and Country Club, Bandar Tasik Puteri, Rawang, Selangor.

Kejuhanan Golf Amal MPS 2023 ini bermatlamat untuk mengumpul dana bagi disalurkan kepada badan-badan kebajikan yang terpilih. Selain itu acara ini merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) MPS.



BERJAYA DIKUTIP MENERUSI GOLF AMAL MPS 2023

MPS berjaya mengutip dana berjumlah RM60 000. Majlis penyampaian hadiah telah dilakukan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS.

Golf Amal MPS turut disertai oleh YB Tuan Abbas Salimmi bin Che Adzmi@Azmi, Ahli Lembaga Majlis Sukan Negeri Selangor dan ADUN Seri Serdang. Hadir sama menyertai kejohanan ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, pengarah-pengarah agensi dan syarikat serta wakil PBT Selangor.



Sila imbas kod QR untuk melihat video Kejohanan Golf Amal MPS 2023.



Program TANAM POKOK PERDANA MPS 2023

PROGRAM Tanam Pokok Perdana MPS 2023 : Perasmian program disempurnakan Exco : Bandar, Sime Darby Property Berhad, Encik
 telah diadakan secara serentak di tiga lokasi : Kesihatan Awam, Alam Sekitar, Perubahan Iklim : Tan Yong Cheem, Timbalan Presiden, Daikin
 iaitu Elmina Business Park, Denai Sungai : dan Teknologi Hijau Selangor YB Puan Jamaliah : Malaysia Sdn. Bhd., Puan Cindy Chong,
 Kebangsaan, Sungai Batu, Gombak dan : bin Jamaluddin. Seramai 550 orang sukarelawan : Pengurus Kumpulan Sumber Manusia Kian Joo
 Taman Pinggiran Pelangi, Rawang pada 25 : terlibat di ketiga-tiga lokasi penanaman pokok : Can Factory Berhad, Ahli-ahli Majlis MPS dan
 November 2023. : Turut hadir dalam program ini ialah Encik Appollo : para pengarah jabatan MPS.
 : Leong, Ketua Pegawai Operasi Pembangunan :



KARNIVAL EKSTREM GUA DAMAI 2023

KARNIVAL Ekstrem Gua Damai 2023 telah berlangsung pada 16 dan 17 September 2023 di Taman Ekstrem Gua Damai. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik kepada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor merangkap Penyelaras DUN Gombak Setia.

Banyak aktiviti lasak disediakan kepada pengunjung seperti terjun tapak (base jumping), daki tembok (rock climbing), futsal, memanah, senamrobik, terbang kelawar (flying fox), panjat pokok (tree climbing), paintball dan turun cenuram (abseiling). Lebih 3 000 pengunjung hadir sepanjang dua hari karnival berlangsung.



TINGKAT KESEDARAN MENJAGA ALAM SEKITAR MENERUSI PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN

MPS bersama Global Environment Centre (GEC) telah mengadakan Program Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Batu sempena Hari Sungai Sedunia yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS pada 9 September 2023 di Seri Selera Wira Damai, Gombak.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, Dr. K. Kalithasan, Pengurus Program River Care GEC, Tuan Hasrulhisham bin Abdullah, Jurutera Daerah JPS Daerah Gombak, Tuan Muhammad Husaini bin Mohd Yunos, Ahli Majlis Zon 6 MPS, Encik Zarul Hafiz bin Hamzah, wakil CIMB Islamic Bank dan para pengarah jabatan MPS.



PROGRAM MASIH ADA YANG SAYANG

MPS telah mengadakan Program Masih Ada Yang Sayang pada 14 Oktober 2023 di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kampung Kenanga, Rawang. Program ini turut dihadiri oleh Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, Tuan Haji Sulaiman bin Abu Samah, Ahli Majlis MPS, Encik Mohamad Aziz bin Abdul Kapi, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Gombak, Puan Hajjah Minpin bin Kassim, Penyelaras PAWE Rawang, wakil agensi dan para pesara MPS.



GALERI BATU ARANG GOMBAK-HULU LANGAT GEOPARK DISERAHKAN SECARA RASMI KEPADA MPS

MAJLIS Penyerahan Rasmi Galeri Batu Arang Gombak-Hulu Langat Geopark oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) kepada MPS telah diadakan pada 12 Oktober 2023 di Dewan Simfoni, Taman Rimba Bukit Lagong. Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, Setiausaha Bahagian Mineral dan Geosains, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bersama-sama YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS telah menandatangani dokumen penyerahan rasmi info panel dan bahan pameran Galeri Batu Arang. Acara ini turut disaksikan oleh Tuan Haji Kamaruddin bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia bersama-sama Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS.



ANUGERAH REWARD YDP MPS TAHUN 2023

MAJLIS penyampaian Reward YDP MPS Tahun 2023 telah diadakan semasa Perhimpunan Bulan September Peringkat MPS 2023 pada 21 September 2023 di Lobi Menara MPS. YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS telah menyampaikan anugerah kepada 28 kakitangan meliputi dua kategori iaitu kategori pengurusan atau peningkatan imej dan kategori pengurangan kos atau peningkatan kecekapan.



SUMBANGAN RM10 RIBU BAGI TABUNG AMANAH KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN PERINGKAT PERKHIDMATAN AWAM

MPS telah menyerahkan sumbangan sebanyak RM10 000 bagi Tabung Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin Peringkat Perkhidmatan Awam pada 18 November 2023 di Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS).

Sumbangan hasil kutipan daripada kakitangan MPS ini dikendalikan oleh ANULAE Cawangan MPS dan diserahkan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS kepada YB Tuan Dr. Ahmad Fazli bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor.



HARI PRIHATIN RAKYAT PARLIMEN GOMBAK

MPS telah membuka Kaunter Aduan dan Kaunter Bayaran Bergerak MPS semasa Hari Prihatin Rakyat Parlimen Gombak yang telah diadakan pada 28 Oktober 2023 di Dewan Beringin, Taman Seri Gombak. YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS turut terlibat dengan Sesi Temujanji Ahli Parlimen Bersama Rakyat di mana setiap agensi terlibat menjawab aduan dan menyelesaikan isu yang dibawa oleh rakyat. Sesi ini turut dihadiri oleh para pengarah dan wakil jabatan dalam MPS.



SINARAN DEEPAVALI KE-20 MPS DISAMBUT MERIAH

Biro Kebajikan Kakitangan India MPS telah menganjurkan Majlis Sinaran Deepavali kali ke-20 pada 27 Oktober 2023 di Dewan Beringin, Taman Sri Gombak. Upacara perasmian telah dilakukan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Encik Murukan a/l Manickam, Pengerusi Biro Kebajikan Kakitangan India MPS, Ahli-ahli Majlis MPS, wakil daripada KSDK, ANULAE dan MJB MPS serta para pengarah jabatan MPS.



BENKEL JANA PENDAPATAN MELALUI YOUTUBE

BENKEL Jana Pendapatan Melalui YouTube telah dirasmikan oleh YB Puan Anfaal binti Saari, Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor pada 9 Disember 2023 di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Bengkel ini dikendalikan oleh Encik Mohd Khairul Amin bin Kamarudin, Pakar Pemasaran Digital dan disertai oleh 50 orang peserta. Hadir sama dalam acara ini YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Tuan Haji Mohd Haris bin Amir, Pengurus Perhubungan Pura Development Sdn. Bhd. dan para pegawai jabatan MPS.



BENKEL KEUSAHAWANAN MEMBUAT SUSHI

JAWATANKUASA Penduduk Zon 15 dan Pertubuhan Pembangunan Wanita Berdaya Rawang telah mengadakan Bengkel Keusahawanan Membuat Sushi pada 3 Disember 2023 di Dewan Kampung Lim Tan, Rawang. Tahniah diucapkan kepada Puan Alice Choo Foong Thye, Ahli Majlis MPS atas penganjuran bengkel ini. Turut hadir dalam bengkel ini, YB Chua Wei Kiat, ADUN Rawang.



PROGRAM SUPER FUN BIRTHDAY PARTY

TASKA MPS telah mengadakan program Super Fun Birthday Party pada 5 Disember 2023 di The Parenthood, Melawati Mall. Program ini diadakan bagi meraikan ulang tahun kelahiran selain mewujudkan semangat kekeluargaan dan memupuk rasa kasih sayang antara kanak-kanak dan juga pengasuh.



BENKEL PEMBUATAN AISKRIM YOGURT VIRAL

BENKEL Pembuatan Aiskrim Yogurt Viral telah diadakan pada 2 Disember 2023 di Pusat Khidmat Ahli Majlis Zon 9. Bengkel ini dikendalikan sendiri oleh Tuan Haji Muhammad Najmi bin Samsudin, Ahli Majlis MPS. Seramai 50 orang peserta hadir mempelajari cara pembuatan Aiskrim Yogurt Viral yang diajar secara percuma.



ANULAE CAWANGAN MPS TERIMA ANUGERAH CAWANGAN CEMERLANG

ANULAE Cawangan MPS telah menerima Anugerah Cawangan Cemerlang atas Pencapaian Cemerlang Pengurusan Kesatuan dan Program Cawangan bagi Sesi 2020-2023 pada 23 Disember 2023 di New York Hotel, Johor Bahru.

Anugerah telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Zahari bin Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar sempena Persidangan Perwakilan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (ANULAE) Tritahunan Kali ke-28 bagi sesi 2023-2026.



SEMINAR HALA TUJU KESATUAN DAN HARAPAN ANULAE

SEMINAR Hala Tuju Kesatuan dan Harapan ANULAE telah diadakan pada 7 Disember 2023 di Dewan Simfoni, Taman Rimba Bukit Lagong.

Seminar ini disertai oleh 75 orang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa ANULAE Cawangan MPS, kakitangan MPS, peserta daripada ANULAE Cawangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Klang dan Cawangan MDN Selangor.

Majlis penutup seminar telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS.



JUALAN AGRO MADANI

Jualan Agro Madani anjuran ANULAE Cawangan MPS bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah diadakan pada 27 September 2023 di Pekarangan Tapak Parkir Menara MPS. YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak dan Puan Ruzani Sohot, Pengerusi ANULAE Cawangan MPS turut berkesempatan meninjau tapak jualan.



SUKAN

MPS JOHAN PING PONG SUKANUN 2023

PASUKAN ping pong MPS telah berjaya menjadi johan dalam Kejohanan Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) 2023. Pasukan MPS berjaya mengalahkan pasukan LHDN 3-2 pada aksi final. Semoga kemenangan ini mendorong lebih banyak kejayaan pada masa akan datang.



MPS NAIB JOHAN GOLF SUKANUN 2023

SYABAS diucapkan kepada pasukan MPS yang berjaya menjadi naib johan keseluruhan Golf Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) 2023 setelah menjadi johan bagi kategori Nett dan tempat ketujuh bagi kategori Gross. Tahniah atas kejayaan yang membanggakan ini.



SUKOMSEL 2023

SUKAN Komuniti Selayang (SUKOMSEL) 2023 telah diadakan pada 7 dan 8 Oktober 2023. Empat acara sukan telah dipertandingkan bagi melihat semangat berpasukan dan kesukanan bagi setiap Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) iaitu bola jaring, futsal, badminton dan boling.

JKP Zon 4 telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan dan membawa pulang wang tunai RM1 000 beserta piala pusingan. JKP Zon 9 pula meraih tempat kedua dan mendapat hadiah wang tunai RM800 dan JKP Zon 19 di tempat ketiga dan menerima hadiah wang tunai RM500. Selain itu, JKP Zon 10 pula telah menerima Anugerah Kontinjen Terbaik dan membawa pulang hadiah wang tunai RM300.



SELYANG ESPORTS CHALLENGE 2023

MPS dengan kerjasama Esports Selangor Association dan Digital Expert Studio telah menganjurkan Selayang eSports Challenge yang telah diadakan pada 11 November 2023 di Selayang Mall. Kumpulan Monster Vicious berjaya menjuarai acara Mobile Legends: Bang Bang, manakala kumpulan Reviens untuk PUBG Mobile dan Ahmad Farid untuk FC24 (PS5). Acara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS.

